

14 MAY 2003

Maulidur-Rangkuman

TUANKU SYED SIRAJUDDIN KETUAI SAMBUTAN MAULIDUR RASUL

KUALA LUMPUR, 14 Mei (Bernama) -- Dengan penuh keinsafan untuk membentuk cara hidup yang teratur dan terbaik untuk mencontohi keperibadian Nabi Muhammad SAW, umat Islam di Malaysia hari ini memperingati hari keputeraan Baginda dengan acara sambutan Maulidur Rasul peringkat kebangsaan yang dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail.

Seri Paduka menyertai kira-kira 10,000 orang yang terdiri daripada wakil-wakil kementerian, agensi-agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi awam, badan korporat, institusi perbankan dan badan bukan kerajaan di Stadium Putra, Kompleks Sukan Bukit Jalil di sini bagi acara sambutan itu.

Turut berangkat menghadiri sambutan yang bertemakan "Bersama Hayati Keindahan Islam" ialah Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid.

Turut hadir ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri Datin Seri Endon Mahmood serta menteri-menteri Kabinet, duta dan perwakilan asing beragama Islam di negara ini.

Acara sambutan dimulakan dengan perarakan berkumpulan dari padang letak kereta Stadium Hoki Nasional ke Stadium Putra dengan diiringi bacaan salawat. Persembahan nasyid dan pentomin turut diadakan bagi memeriahkan sambutan.

Tuanku Syed Sirajuddin turut menyampaikan Anugerah Tokoh Maulidur Rasul 1424H kepada sembilan penerima termasuk empat bukan Islam serta penderma hati Muhammad Nasir Zakaria.

Mereka yang lain terdiri daripada pegawai penjara, bomba, jururawat, pegawai forensik, guru agama Islam, juruteknik dan polis.

Di JOHOR BAHRU, Tengku Mahkota Johor Tunku Ibrahim Ismail Sultan Iskandar mengingatkan umat Islam di negeri itu supaya sentiasa bersatu padu dan mengelak daripada berpecah-belah agar tidak dieksploitasi oleh musuh-musuh Islam.

"Pada masa ini terdapat umat Islam kita yang meminta pertolongan dari orang bukan Islam yang sememangnya musuh yang ingin memusnahkan agama kita. Ini semuanya berpunca kerana kita berpecah dan tidak bersatu padu," titahnya. Baginda mewakili ayahandanya Sultan Iskandar Al-Haj pada majlis sambutan Maulidur Rasul di Masjid Sultan Abu Bakar di sini.

Kerajaan Negeri Johor, titah baginda akan sentiasa berusaha agar umat Islam di negeri ini sentiasa mengekalkan perpaduan dan mengelak dari sebarang perbuatan yang boleh memecahbelahkan umat.

DI SEREMBAN, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Ja'afar mengingatkan umat Islam supaya terus bersatu padu dan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam menghadapi cabaran abad ini.

Baginda bertitah tanpa perpaduan, ilmu dan kemahiran, sukar bagi umat Islam untuk bersaing dalam era globalisasi.

Tuanku Ampuan Tuanku Najihah turut berangkat menghadiri majlis sambutan Maulidur Rasul peringkat negeri di padang Majlis Perbandaran Seremban (MPS). Turut hadir Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad, anggota Exco negeri dan kira-kira 5,000 umat Islam.

Di PULAU PINANG, Yang DiPertua Negeri Tun Abdul Rahman Abbas berkata umat Islam hanya boleh maju jika mereka dapat menterjemahkan sifat-sifat terpuji Rasulullah SAW dalam kehidupan seharian.

Berucap ketika merasmikan perhimpunan ummah sempena sambutan Maulidur Rasul peringkat negeri di Sekolah Menengah Teknik di Bukit Minyak di sini, Abdul Rahman berkata dengan cara itu ia dapat melahirkan generasi muda berilmu dan berdisiplin yang mengutamakan kepentingan agama daripada diri sendiri.

"Dengan itu, ia dapat mengangkat martabat Islam apabila umatnya saling bantu membantu tanpa mengira kepentingan sendiri dalam usaha menghadapi ancaman musuh," katanya.

Di majlis itu, Abdul Rahman menyampaikan hadiah kepada Imam Masjid Al Huda, Nibong Tebal Haji Mat Tahir Ayub yang dipilih sebagai Tokoh Maulidur Rasul Pulau Pinang. Mat Tahir, 67, menerima wang tunai RM2,500 berserta piala dan sijil.

Di KUALA TERENGGANU, cuaca mendung tidak menghalang lebih 3,000 umat Islam menghadiri majlis sambutan Maulidur Rasul peringkat negeri yang diadakan di Stadium Negeri dekat sini.

Majlis sambutan yang bermula pukul 8.30 pagi diisi dengan persembahan marhaban, nasyid dan syarahan agama.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Dakwah dan Pelaksanaan Syariah Negeri Datuk Harun Taib merasmikan sambutan itu bagi pihak Menteri Besar Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang kini berada di luar negara.

Di KUCHING, Yang Dipertua Negeri Tun Abang Muhammad Salahuddin Abang Barieng, Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan menteri-menteri kabinet negeri serta kira-kira 7,000 orang mewakili pelbagai agensi kerajaan dan swasta menghadiri perhimpunan dan perarakan Maulidur Rasul di Padang Merdeka di sini.

Hujan renyai pada awalnya dan diikuti hujan lebat tidak mematahkan semangat peserta kontinjen dan orang ramai yang berkumpul seawal 7.30 pagi untuk memeriahkan sambutan itu yang turut meliputi pertandingan hadrah, zikir, forum perdana dan acara gotong-royong.

Ketika berucap, Abdul Taib menasihatkan umat Islam untuk menguasai ilmu sains dan menyifatkan ianya sebagai usaha jihad.

Di KOTA KINABALU, Yang Dipertua Negeri Sabah Tun Ahmadshah Abdullah mengajak umat Islam bermuhasabah diri dengan menghayati keindahan ajaran Islam berhubung kehidupan beriman dan bertaqwa, bermuafakat dan bersatu padu, berkeluarga, berjiran dan bermasyarakat yang menuntut kepada persefahaman dan keharmonian hidup pelbagai kaum.

Ketua Menteri Sabah Datuk Musa Aman pula ketika berucap berkata umat Islam perlu mencontohi keperibadian Rasulullah SAW yang sentiasa cekal, gigih dan berdikari dan mereka juga perlu menerima hakikat bahawa rezeki dan kejayaan tidak akan datang bergolek tanpa usaha yang gigih.

Di KUANTAN, Sultan Pahang Sultan Ahmad Shah, Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah dan Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob serta lebih 2,000 orang menghadiri majlis sambutan Maulidur Rasul peringkat negeri di Dewan Jubli Perak Sultan Ahmad Shah, di sini.

Ketika berucap Sultan Pahang meminta umat Islam meningkatkan penguasaan ilmu pengetahuan untuk terus bersaing dalam arus pembangunan dunia masa kini.

Pada majlis itu, baginda turut melancarkan Program Masjid Gemilang Pahang yang bertujuan untuk membina kesedaran dan membentuk pemikiran masyarakat terhadap kepentingan dan peranan institusi masjid serta menjadikan masjid sebagai pusat tumpuan masyarakat daripada segenap sudut.

Di MELAKA, Yang Dipertua Negeri Tun Syed Ahmad Shahabudin mengetuai perarakan Maulidur Rasul yang disertai kira-kira 11,000 umat Islam sejauh 3.8 kilometer dari Stadium Hang Tuah ke Masjid Al-Azim di Bukit Palah di sini.

Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam ketika berucap berkata umat Islam di negeri itu perlu mempunyai jati diri, cekal, tabah, sabar di

samping mempunyai akhlak terpuji sebagaimana yang ditonjolkan oleh Nabi Muhammad SAW.

Beliau berkata Rasulullah telah membentuk satu peradaban umat Islam yang bertamadun atau masyarakat Madani atau Hadari yang jauh berbeza dengan ketamadunan yang diasaskan oleh Barat.

-- BERNAMA

MS MYD NO HS RHM